

## **BAB 3**

### **TINJAUAN BENTUK KAJIAN**

#### **3.1 Bentuk Kajian Dan Kaedah Pengumpulan Data**

Kajian ini telah dikendalikan pada dua tahap utama. Tahap pertama adalah dengan membuat tinjauan soal-selidik di kalangan pelajar universiti dan kolej. Ini merupakan kaedah pengumpulan data utama. Borang kaji selidik yang disediakan merangkumi dua bentuk soalan iaitu soalan yang bersifat tertutup (*close-ended*) dan soalan terbuka (*open-ended*). Bentuk soalan tertutup diberi penekanan dalam kajian ini memandangkan jumlah responden yang agak ramai iaitu seramai 720 orang. Manakala bentuk soalan tertutup pula membolehkan pengkaji mendapat lebih kerjasama dari para responden yang terlibat.

Dalam borang soal-selidik yang disediakan (sila rujuk lampiran), terdapat empat bahagian soalan. Bahagian A merupakan soalan-soalan berkaitan dengan latar belakang responden iaitu dari aspek sosial, pendidikan dan persekitaran. Bahagian B menumpukan kepada soalan yang berkait dengan pandangan dan pendapat responden terhadap pelajar-pelajar di kampus masing-masing sama ada dari kumpulan etnik yang sama atau berbeza dan juga keadaan integrasi dan perpaduan di kampus terlibat. Bahagian C pula memaparkan soalan tentang hubungan etnik yang wujud di kampus masing-masing dan apakah pendapat atau pandangan yang biasa diberikan terhadap pelajar dari kumpulan etnik yang

sama dan berbeza. Akhir sekali Bahagian D meminta pandangan responden tentang masa depan hubungan etnik di kampus masing-masing dan juga Malaysia keseluruhannya.

Tinjauan soal-selidik ini dijalankan secara 'self-administered' (pengendalian sendiri) yang mana borang soal-selidik yang diedarkan kepada responden akan dikutip semula pada hari yang sama selepas ianya diisi oleh responden. Responden tidak dibenarkan untuk membawa pulang soal-selidik yang diberikan. Ini adalah untuk mengurangkan kebarangkalian kehilangan borang soal-selidik yang diberikan ataupun mungkin tidak dikembalikan. Pengkaji juga telah turut serta untuk bersama dengan para responden yang terlibat bagi membolehkan sebarang persoalan atau penjelasan diberikan sekiranya berlaku kemusykilan di kalangan mereka ketika menjawab soal-selidik tersebut.

Tahap kedua kajian adalah dengan menjalankan Perbincangan Kumpulan Fokus (*Focus Group Discussion*) yang mana sekumpulan kecil responden terlibat yang dipilih secara rawak dikumpulkan semula untuk mendapat maklum balas tentang soalan-soalan yang telah dikemukakan kepada para responden menerusi tinjauan borang soal-selidik. Perbincangan Kumpulan Fokus yang dijalankan adalah bertujuan untuk mengurangkan kemungkinan wujudnya sebarang percanggahan jawapan yang diperolehi daripada borang soal-selidik yang diedarkan terdahulu.

Perbincangan Kumpulan Fokus yang dijalankan adalah bersifat informal bersama enam pelajar yang dipilih dari pelbagai kumpulan etnik. Mereka telah dipilih secara rawak menerusi kontak pengkaji dengan pelajar-pelajar yang terlibat. Mereka turut diberikan soalan yang sama seperti di dalam borang soal-selidik yang diedarkan kepada responden lain. Perbincangan informal antara pengkaji dan pelajar terlibat telah membolehkan mereka bersifat lebih terbuka walaupun masih wujud rasa kurang senang untuk menyuarakan pendapat tentang etnik lain kerana risau akan 'terlepas cakap' dan menyinggung perasaan pelajar lain yang terlibat.

Hasil yang diperolehi dari Perbincangan Kumpulan Fokus ini didapati tidak banyak bezanya dari jawapan yang dikemukakan oleh responden lain dalam tinjauan soal-selidik yang dijalankan kerana sikap keterbukaan responden terhadap isu ini masih rendah. Mereka masih kurang yakin dan bimbang akan menimbulkan rasa tidak puas hati responden lain yang terlibat sekiranya mereka tersalah memberi pandangan dan pendapat.

Data-data sekunder pula diperolehi daripada pengumpulan bahan-bahan yang dipetik daripada pelbagai sumber perpustakaan seperti kajian sarjana, majalah, kertas kerja, petikan suratkhobar, jurnal dan sebagainya. Data-data yang diperolehi digunakan untuk memperjelaskan kepelbagaian perspektif kajian yang telah dijalankan berkaitan dengan konteks kajian ini. Di samping itu juga imbasan kajian-kajian lepas akan membantu pengkaji untuk memberi gambaran

yang lebih jelas mengenai proses interaksi etnik dan polarisasi yang telah lama wujud di Malaysia ini dan perkembangan-perkembangan yang telah berlaku dalam beberapa dekad ini.

### **3.2 Populasi dan Penganalisisan Kajian**

Populasi responden bagi kajian ini adalah terdiri daripada para pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Kolej Swasta yang terdapat disekitar kawasan Kuala Lumpur dan Selangor. Populasi responden yang dipilih adalah terdiri daripada pelbagai golongan etnik iaitu Melayu, Cina, India dan lain-lain. Tiga Institusi Pengajian Tinggi Awam yang dipilih untuk tinjauan soal-selidik kajian ini adalah Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Putra Malaysia. Manakala tiga Kolej Swasta pula adalah Kolej Bandar Utama, Kolej Stamford dan Kolej PTPL.<sup>1</sup>

Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Kolej Swasta yang terlibat telah dipilih atas beberapa landasan sebab. Antaranya, institusi-institusi yang terlibat jelas memperlihatkan pembahagian etnik yang hampir setara. Di samping itu semua institusi ini diiktiraf oleh pihak kerajaan dan telah lama bertapak di kawasan Kuala Lumpur dan Selangor.

Semua institusi ini juga didapati bersesuaian dengan kehendak pengkaji untuk menjalankan soal-selidik bagi mendapat maklum balas pelajar dalam

---

<sup>1</sup> Sila rujuk Lampiran untuk peta lokasi.

memenuhi objektif kajian ini. Pengkaji juga mempunyai keyakinan tinggi terhadap keupayaan para pelajar terlibat untuk mewakili pelajar-pelajar lain daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Kolej Swasta di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor.

Dalam pemilihan pengsampeian subjek kajian pula, pengkaji melakukan pengsampeian berdasarkan '*non-probability sampling*', manakala '*cluster sampling*' telah digunakan untuk mendapatkan sampel kumpulan yang kemudiannya dianggap sebagai elemen pengsampeian yang tersendiri. Kelebihan dalam menggunakan '*cluster sampling*' adalah diandaikan ianya berkeupayaan untuk mendapatkan sampel kajian terlibat walaupun tanpa satu bingkai elemen pengsampeian yang khusus. Satu rangkaian dipilih dan satu bingkai elemen sampel dihasilkan. Elemen dalam setiap rangkaian ini adalah dipilih di antara satu sama lain. Ini dapat dilihat dalam contoh rangkaian dibawah.

Ringkasan bagi '*cluster sampling*' :

- 1) 10 Orang dipilih secara rawak bagi setiap Jabatan.
  - 2) 3 Jabatan dipilih secara rawak bagi setiap Fakulti.
  - 3) 4 Fakulti dipilih secara rawak bagi setiap Universiti dan Kolej
  - 4) 6 Universiti(3) dan Kolej(3) dipilih di Kuala Lumpur dan Lembah Kelang
- (10 X 3 X 4 X 6) = 720 orang dalam sampel

Sampel yang ditunjukkan adalah berkadar memandangkan saiz setiap rangkaian adalah sama. Walaubagaimanapun rangkaian kumpulan dalam kajian ini berbeza saiznya. Jadi, kebarangkalian ataupun ratio sampel perlu di selaraskan pada pelbagai tahap dalam sampel dengan menggunakan kaedah sampel 'Probability Proportionate to Size' (PPS) bagi membolehkan ratio sampel yang kecil turut mendapat peluang memperolehi sampel yang baik. Ini adalah kerana apabila jumlah pelajar bertambah, ketepatan yang diperolehi dari sampel akan menurun.

*Kaedah Sampel PPS:*

Jenis Institusi (Universiti atau Kolej)	Jumlah Fakulti	Jumlah Pelajar Di setiap Fakulti	Jumlah Pelajar (Universiti atau Kolej)
Universiti	(a)	(x)	(p)
Kolej	(b)	(y)	(q)

Universiti-universiti mempunyai

(x)

— = (z) kali jumlah pelajar dari jumlah pelajar kolej

(y)

Jumlah Fakulti X Jumlah Kumpulan (y) di setiap Fakulti

$$(a) \times (z) = (c)$$

$$(b) \times 1 = (b)$$

$$(c) + (b) = \text{kumpulan pelajar (y)}$$

2 kumpulan dari Kolej X (y) =  $\Sigma$  pelajar dari Universiti

### 3.3 Permasalahan Kajian

Tumpuan utama kajian adalah kepada beberapa agenda yang dikenalpasti sebagai permasalahan utama kajian ini. Pertama sekali kajian ini akan memperlihatkan akan konsep interaksi dan polarisasi yang wujud di kalangan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Kolej Swasta yang terpilih. Walaupun isu-isu ini telah lama diperkatakan tapi sehingga kini masih tidak jelas pencapaiannya dalam memperolehi satu bentuk kata putus yang boleh memberi satu kesimpulan umum dalam melihat isu hubungan etnik. Jadi kajian ini diharapkan akan berupaya untuk memperjelaskan konsep-konsep ini daripada kaca mata para responden yang terlibat.

Keduanya adalah untuk melihat bagaimana Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Kolej Swasta bertindak sebagai tempat untuk meningkatkan dan mengeratkan interaksi dan integrasi antara pelbagai kaum. Persoalannya adakah usaha-usaha yang sedia wujud di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Kolej Swasta telah mencukupi ataupun sebaliknya. Adakah para pelajar sendiri yang bertanggungjawab atas polarisasi yang wujud atau adakah pihak lain turut terlibat? Kajian ini akan cuba mendapat maklum balas daripada para pelajar tentang sebarang bentuk kekurangan atau kelemahan yang dikenalpasti oleh mereka dan cadangan-cadangan yang membina daripada mereka.

Ketiga, adakah isu interaksi dan polarisasi antara kaum masih wujud di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Kolej Swasta dan adakah para pelajar

sendiri mempunyai perasaan dan tanggapan yang berbelah bagi dalam interaksi harian di kalangan mereka. Tanggapan (stereotaip) yang diberikan kepada setiap kumpulan etnik secara tak langsung menjadi tembok tebal yang memperlambatkan tempo interaksi antara kaum. Tetapi ini tidak pula bermaksud pelajar-pelajar adalah terpisah di antara satu sama lain.

Kekurangan interaksi antara para pelajar tidak semestinya melemahkan integrasi yang wujud di kalangan mereka dan masa yang digunakan untuk mereka berinteraksi di antara satu sama lain tidak semestinya menjadi pengukur kepada tahap integrasi yang wujud. Sebaliknya ia mungkin disebabkan oleh faktor-faktor sampingan lain yang menjadi penghalang kepada kekerapan berinteraksi di antara mereka khususnya komitmen yang perlu mereka berikan kepada pelajaran dan sebagainya.

Keempat, adakah masa depan integrasi kaum di kalangan pelajar di kampus terlibat tidak menjadi satu masalah. Pendapat para pelajar mengenai perpaduan kaum akan turut ditinjau secara umum walaupun tidak dapat dinafikan bahawa setakat ini tiada masalah besar yang tidak dapat ditangani yang timbul dalam isu perpaduan kaum di kalangan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi.

Sebahagian besar pelajar terlibat menyedari akan kepentingan interaksi ini dan perlunya mereka bersatu hati demi kesetiaan kepada bangsa dan negara.



Sejauh manakah integrasi dan perpaduan kaum dipertahankan sekiranya interaksi dua hala yang wujud antara pelbagai kaum berkurangan dan adakah masalah polarisasi turut menyumbang kepada masalah ini akan cuba diperjelaskan dalam kajian ini.

### **3.4 Analisis Data**

Proses penganalisan data bagi hasil yang diperolehi daripada tinjauan soal-selidik akan melalui beberapa tahap. Tahap pertama adalah memastikan bahawa data mentah (raw data) yang diperolehi dikodkan untuk memastikan bahawa data ini akan disusun mengikut format yang sepatutnya dan boleh dibaca oleh komputer. Buku kod kemudiannya akan disiapkan pada tahap kedua. Ini penting bagi menghuraikan proses atau langkah pengkodan dan lokasi data bagi setiap pembolehubah dalam format yang boleh difahami atau digunakan dalam komputer. Akhir sekali, pada tahap ketiga, data yang terkumpul dimasukkan ke dalam komputer. Di sini pengkaji menggunakan program *Statistical Package for Social Science (SPSS)* untuk menganalisis data yang diperolehi.